



Ruj. Kami : KUDR/TTDC/A/05/25/0427 (21)
Tarikh : 3 Julai 2025

TIME DOTCOM BERHAD

No 14, Jalan Majistret U1/26,
HICOM Glenmarie Industrial Park,
40150 Shah Alam,
Selangor.
(u.p : Encik Mohd Faizul Bin Padli)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : MEMOHON KEBENARAN LALUAN BAGI KERJA-KERJA
PENANAMAN SESALUR DAN MEMASANG KABEL FIBER OPTIK
SECARA KAEDAH HDD DI DALAM KAWASAN JKR DAERAH
KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN. LOKASI: JALAN KLEDANG
UTARA KAEDAH PENGOREKAN: HDD 1750M
LOKASI : JALAN PERSEKUTUAN FALIM CONNECTOR – SIMPANG
KLEDANG UTARA (FT.05)
PERKARA : PEMAKLUMAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan surat JKR Daerah Kinta, No. Rujukan: **Bil.(20)dIm.J.D.Kta.200-7/7/12(C)JLD.4** bertarikh **23 Mei 2025** adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak JKR tiada halangan ke atas permohonan Izin Lalu di atas dengan syarat :

Bil.	Perkara
i.	Tidak menggunakan kaedah korekan secara terbuka pada pavement JKR
ii.	Manhole / HDD Pit / tiang / kemudahan utiliti milik tuan tidak dibina pada pavement JKR (perlu dibina pada kawasan Green Area di dalam kawasan ROW yang paling maksimum)
iii.	Perlu mematuhi kesemua keperluan berkaitan di dalam Seksyen 85 Akta 333, Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti Di Jalan Persekutuan serta mematuhi perundangan lain yang berkaitan dari semasa ke semasa
iv.	Sebarang kemudahan utiliti milik tuan tidak dibenarkan dipasang / ditambah pada struktur jambatan milik JKR bagi mengelakkan sebarang risiko kepada pengguna jalan serta aset kerajaan
v.	Telah mengambilkira keperluan dan risiko lain yang wujud akibat dari jajaran utiliti pihak lain sedia ada.
vi.	Tidak dibenarkan memasang kabel secara overhead merentangi jalan
vii.	Bagi kerja pemasangan utiliti merentangi jalan, hanya kaedah Trenchless sahaja dibenarkan
viii.	Pemasangan kabel overhead hanya dibenarkan untuk kabel yang selari dengan jalan sahaja





Ruj. Kami : KUDR/TTDC/A/05/25/0427 (21)
Tarikh : 3 Julai 2025

**PROJEK / KERJA : MEMOHON KEBENARAN LALUAN BAGI KERJA-KERJA
PENANAMAN SESALUR DAN MEMASANG KABEL FIBER OPTIK
SECARA KAEDAH HDD DI DALAM KAWASAN JKR DAERAH
KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN. LOKASI: JALAN KLEDANG
UTARA KAEDAH PENGOREKAN: HDD 1750M
LOKASI : JALAN PERSEKUTUAN FALIM CONNECTOR – SIMPANG
KLEDANG UTARA (FT.05)**
PERKARA : PEMAKLUMAN IZIN LALU

3. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta telah **MEMBERI KEBENARAN IZIN LALU** kepada pihak Koridor Utiliti Darul Ridzuan (KUDR) untuk menjalankan kerja ukur tanah dan cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM). Tarikh kebenaran izin lalu yang diberikan adalah seperti berikut :

Tarikh Mula Izin Lalu	30 Mei 2025
Tarikh Tamat Izin Lalu	29 November 2025

4. Sehubungan dengan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan dokumen - dokumen seperti berikut:

- i. SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELULUSAN/PERMIT PEMASANGAN UTILITI (Borang JKR/P-01/2022)
- ii. BORANG PERMOHONAN KELULUSAN/PERMIT PEMASANGAN UTILITI (Borang JKR/P-02/2022)
- iii. AKUJANJI ANTARA PEMOHON KELULUSAN DAN PENGARAH JKR NEGERI (Borang JKR/P-03/2022)
- iv. BORANG PEMERIKSAAN JALAN/ASET JALAN (Borang JKR/P-04/2022)
- v. PEMAKLUMAN DILANTIK SEBAGAI JURUTERA PROFESIONAL AWAM/ JURUTERA PERUNDING AWAM (Borang JKR/P-05/2022)
- vi. SENARAI SEMAK SEBELUM MEMULAKAN KERJA PEMASANGAN UTILITI (Borang JKR/P-06/2022)
- vii. Pelan infrastruktur utiliti berserta CD (Disediakan oleh KUDR)
- viii. TCP yang direkabentuk oleh PEPC selaras dengan ATJ 2C/85 (Pindaan Terkini) (Disediakan oleh KUDR)
- ix. Salinan insurans yang masih berkuatkuasa
- x. *Method Statement*
- xi. Jadual Kerja

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran caj perkhidmatan bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses.





Ruj. Kami : KUDR/TTDC/A/05/25/0427 (21)
Tarikh : 3 Julai 2025

**PROJEK / KERJA : MEMOHON KEBENARAN LALUAN BAGI KERJA-KERJA
PENANAMAN SESALUR DAN MEMASANG KABEL FIBER OPTIK
SECARA KAEDAH HDD DI DALAM KAWASAN JKR DAERAH
KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN. LOKASI: JALAN KLEDANG
UTARA KAEDAH PENGOREKAN: HDD 1750M
LOKASI : JALAN PERSEKUTUAN FALIM CONNECTOR – SIMPANG
KLEDANG UTARA (FT.05)**
PERKARA : PEMAKLUMAN IZIN LALU

6. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nur Izzati Syazwani Binti Abdul Halim** di talian **010-3800883** untuk keterangan lanjut. Kerjasama daripada pihak Tuan/Puan saya dahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
OSA/02072025/Wah/izzati

Salinan kepada:

- 1. PENGARAH JKR NEGERI**
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: Jurutera Awam Penguasa Jalan)
- 2. JURUTERA DAERAH**
Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta,
Jalan Charleton,
Taman Cherry,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(u.p.: Bahagian Jalan)

